

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi membanteras penjualan rokok elektronik dan vape kepada murid sekolah.

Unit Komunikasi Korporat KPM dalam satu kenyataan semalam berkata, kementerian amat memandang serius isu jualan bahan terlarang seumpama itu yang tular sejak kebelakangan ini.

"Berdasarkan hasil pemantauan dan aduan yang diterima, bahan seperti rokok elektronik dan vape berkenaan dijual di luar kawasan sekolah.

"Sehubungan itu, bagi memastikan ia tidak terus berlaku, kementerian akan bekerjasama erat dengan KPDNHEP untuk membendung jualan bahan berkenaan terutama kepada murid sekolah," katanya.

Menurut kenyataan itu, KPM turut mengambil langkah sewajarnya dalam memberi pendedahan mengenai larangan membeli dan bahaya penggunaan bahan itu daripada aspek kesihatan.

"Selain itu, ibu bapa diingatkan supaya memantau kegiatan anak-anak mereka yang menjurus ke arah kegiatan berkenaan," katanya.

Harian Metro kelmarin melaporkan kewujudan pel-

VAPE TEMBUS SEKOLAH

2 agensi banteras

■ **KPM, KPDNHEP kerjasama tangani penjualan vape kepada murid sekolah**



VAPE 'TEMBUS' SEKOLAH

Kementerian mengeluarkan maklumat bahawa Antara kejadian dalam beberapa hari terakhir yang menunjukkan sifat-pisau sekolah. Kumpulan dilakukan pada bentuk akhir yang kena dalam pelbagai bentuk membahayakan dan merosakkan diri dan orang lain. Kita mengingatkan anda untuk tidak buat atau tidak membeli vape di sekolah. Harian Metro (HM) mendakwa peristiwa ini adalah mengatakan bahwa mereka mengambil tindakan awal untuk mengelakkan hal ini.

LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

bagai jenis vape bersaiz kecil antara berbentuk pen, jam tangan, pemerkil api, pemacu pena hingga ada antaranya bersaiz sebesar kotak mancis antara punca vape menjadi kegilaan baru murid serta pelajar sekolah. Ia mendapat reaksi banyak pihak termasuk Majlis Pengembang Sekolah Malaysia (MPSM), yang mahu tindakan proaktif diambil segera semua pihak terutama ibu bapa untuk menangani isu berkenaan.